




PROGRAM PEMANTAPAN SARANA IBU BAPA DAN SARANA SEKOLAH (PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013- 2025)

6.1 Pengenalan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, sarana merupakan (segala) sesuatu yang dapat digunakan sebagainya untuk mencapai atau melaksanakan sesuatu. Sarana ibu bapa, komuniti dan sektor swasta merupakan suatu inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Hal ini kerana merujuk kepada fenomena yang berlaku kepada anak-anak kita pada masa ini. Persoalan yang sering bermain di fikiran ibu bapa adalah di mana anak kita berada? Menurut kajian, purata hanya 14% masa pelajar berada di sekolah setahun. Selebihnya masa pelajar berada di rumah dan dalam komuniti. Manakala pecahan peratus kegunaan masa pelajar menurut sumber Kementerian Pelajaran Malaysia, sebanyak 52% masa pelajar berada di rumah dan komuniti, 33% masa digunakan untuk tidur dan hanya 14% masa pelajar berada di sekolah.

Fenomena yang telah berlaku dan sering berlaku di kalangan ibu bapa hari ini adalah ibu bapa hanya menjejak kaki ke sekolah apabila dua kejadian yang berlaku. Kejadian yang pertama adalah apabila ibu bapa dijemput untuk hari tertentu seperti Hari Pelaporan, Hari Sukan dan lain-lain lagi. Tetapi ada juga ibu bapa hanya sekadar menghantar wakil. Kejadian yang kedua adalah apabila anak membuat masalah disiplin di sekolah. Apa yang ingin dicapai di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang berkaitan penglibatan ibu bapa adalah peningkatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam pembelajaran anak. Persoalannya, mengapa komuniti dan sektor swasta turut terlibat di dalam sistem pembelajaran anak-anak? Hal ini kerana masa yang diperuntukkan oleh anak-anak lebih banyak di rumah dan komuniti. Seterusnya terdapat perubahan di dalam sistem pendidikan negara iaitu perubahan dari sistem sekolah kepada sistem pembelajaran.

6.2 Perubahan dari Sistem Sekolah kepada Sistem Pembelajaran.



6.2.1 Sistem Pembelajaran.

Sistem Pembelajaran mengakui bahawa pembelajaran berlaku melangkaui kawasan sekolah dan boleh berlaku di rumah dan dalam komuniti. Sekolah mesti menyediakan persekitaran yang kondusif untuk jalinan hubungan kerja positif antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti.

Sekolah – kerjasama dengan ibu bapa.

Sekolah mempunyai tanggungjawab yang dikongsi bersama antara ibu bapa dan guru bagi memastikan pembelajaran berkualiti untuk murid. Selain daripada itu, pihak sekolah juga perlu meningkatkan kesedaran ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid. Seterusnya pihak

sekolah juga perlu memperluas peranan ibu bapa sebagai rakan sekolah dalam meningkatkan keberhasilan anak-anak mereka.

Sekolah – kerjasama dengan komuniti.

Pihak sekolah perlulah mendapat kerjasama secara sukarela daripada pertubuhan dalam komuniti untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan dan memberi manfaat kepada sekolah setempat. Selain itu, pihak sekolah juga mesti menggalakkan penglibatan murid dalam pertubuhan dan aktiviti komuniti serta mendapat pengajaran penting melalui proses tersebut.

~~02.2~~ Elemen-elemen yang Terdapat dalam Sarana.

A. 6 elemen dalam Sarana Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (setakat mana sekolah menyediakan keadaan yang kondusif bagi menggalakkan ibu bapa dan komuniti terlibat dalam pembelajaran anak di sekolah).

1. Iklim sekolah.
2. Komunikasi berkesan.
3. Sokongan terhadap kejayaan murid. — *kanikulan*
4. Tanggungjawab bersama. — *ibu bapa menglibatkan diri*
5. Keputusan bersama. —
6. Kerjasama dengan komuniti. — *warga sekolah melibatkan diri*
— *gotong-royong*

~~B.~~ Penubuhan 2 Biro baru dalam PIBG.

1. Biro Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (Parent Support Group – menghulurkan bantuan kepada ahli PIBG yang memerlukan).
 2. Biro Maklumat (untuk menganalisis data).
- } Biro baru dalam PIBG

C. Khidmat Bantu kepada Sekolah. (masgarakat dari ibu bapa).

1. Akademik.
2. Ko kurikulum.
3. 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan).
4. Bimbingan Kerjaya.
5. Penyelenggaraan sekolah.
6. Motivasi/disiplin murid.

6.3 Mengapa Ibu Bapa/Penjaga Patut Terlibat dalam Pembelajaran Anak?

Faedah kepada anak:

1. Mendapat markah dan gred ujian yang lebih baik.
2. Mempunyai nilai sendiri dan motivasi yang lebih tinggi.
3. Kehadiran ke sekolah lebih bagus.
4. Kadar pelanggaran disiplin sekolah berkurangan.
5. Keciciran persekolahan dapat dielakkan.

Faedah kepada ibu bapa/penjaga:

1. Boleh belajar cara untuk membantu anak menyelesaikan kerja rumah.
2. Dapat mengetahui prosedur dan kaedah membantu anak di sekolah.
3. Dapat berkongsi ilmu keibubapaan bersama-sama dengan ahli PIBG yang lain.
4. Ibu bapa akan dapati lebih mudah untuk menyediakan suasana rumah yang sihat.

6.4 Penglibatan dan Peranan Ibu Bapa dengan Sekolah.

Penglibatan ibu bapa pada peringkat awal pendidikan anak adalah berkesan, bukan sahaja pada tahap sekolah rendah tetapi juga pada semua peringkat umur. Kaedah penglibatan ibu bapa yang berlainan memberi kesan yang berbeza kepada anak. Apabila ibu bapa bekerjasama dengan guru, jangkaan guru terhadap anak lebih tinggi. Apabila ibu bapa terlibat sepenuhnya seperti dalam membuat keputusan, pencapaian murid dari kalangan berpendapatan rendah meningkat dengan baik sekali. Perubahan paling ketara berlaku dalam kalangan murid yang paling ketinggalan. Walaupun kerjasama dengan keluarga merupakan asas kepada kejayaan sekolah ia BUKAN ganti kepada program pendidikan bermutu tinggi atau strategi penambahbaikan yang menyeluruh sesebuah sekolah.

Peranan Ibu Bapa/Penjaga.

1. Jurulatih - ibubapa (mengajar membaca di sekolah)

Menyediakan peluang dan ruang belajar yang seluas-luasnya untuk anak belajar di sekolah dan di rumah.

a. Membaca dan menulis.

Kemahiran membaca memberi faedah kepada semua orang. Bukan sekadar buku sahaja malah apa-apa bahan bacaan sekalipun termasuk papan tanda di jalan semuanya memberi peluang untuk anak membaca. Amalkan sikap membaca ketika anak masih kecil lagi serta beri ransangan dan cetuskan imaginasi anak dengan meminta mereka meneka dan menyambung cerita yang sedang dibaca bersama. Bercerita berkenaan dengan diri dan keluarga merupakan salah satu cara meransang dan mengajak anak untuk minat menulis.

b. Menulis untuk keseronokan.

Semakin anak bertambah usia, maka ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak mereka mengarang cerita atau menulis kesudahan sesebuah cerita yang telah mereka baca seperti "Upin dan Ipin tumbuh rambut,". Galakkan juga anak menulis surat atau emel kepada keluarga dan rakan-rakan serta beri ransangan mereka bercerita melalui gambar yang dilihat. Jika boleh, minta anak-anak mencatatkan segala peristiwa yang berlaku sepanjang perjalanan atau percutian yang dilawati dengan menggunakan kamera. Juga, gunakan keratan kartun di majalah atau di akhbar untuk menggalakkan anak bercerita serta bincangkan mesej yang hendak disampaikan melalui keratan kartun tersebut.

2. Mentor

Menasihati, membimbing, mengajar, menyokong, menjaga, menggalakkan, menunjuk cara dan sebagainya. Bantu anak untuk mengenalpasti siapa yang dapat membantunya seperti adik-beradik, rakan-rakan, guru atau sesiapa sahaja di sekelilingnya. Galakkan anak menggunakan kaedah penyelesaian masalah untuk menyiapkan kerja rumah seperti jelaskan apakah tugas dan apakah hasil yang diharapkan. Kemudian jana idea melalui sumbang saran dan tentukan idea mana yang akan digunakan. Seterusnya buat perancangan dan jalankan perancangan tersebut.

3. Penyokong

Menyokong, mempertahankan dan menyakinkan anak.

a. Menyokong kejayaan anak-anak

Kejayaan anak bergantung kepada apa yang ibu bapa, guru dan sekolah beri kepadanya. Persekitaran dan komuniti menjadi medan yang menguji sama ada anak akan terus berkembang maju atau sebaliknya. Untuk menyokong dan menjamin kejayaan anak, datanglah bertemu guru anak-anak, kehadiran ibu bapa menyemarakkan semangat anak kerana anak tahu antara ibu bapa dan gurunya ada suatu perkaitan. Jika ibu bapa dan guru

saling mengenali, wujud rasa hormat-menghormati akan kepakaran masing-masing. Anak lebih mendengar cakap guru di sekolah dan pada masa yang sama mengasihi kedua ibu bapa dan keluarga di rumah. Sekiranya perasaan ini dipupuk dan dikembangkan anak akan menjadi murid yang cemerlang di sekolah, di rumah dan dalam komuniti.

Ibu bapa juga perlu mendengar dan memberi tumpuan apabila anak merungut tentang guru di sekolah, tetapi cuba selidiki dengan teliti tanpa membuat sebarang kritikan terhadap guru. Cuba cari kebenaran tanpa menyebelahi mana-mana pihak. Guru juga adalah ibu bapa, jadi sekiranya ibu bapa boleh berbincang dengan cara baik dan sihat dengan guru, kesulitan yang anak hadapi boleh dirungkaikan.

4. Sentiasa bermaklumat.

Terkini dengan apa yang berlaku di sekolah:

a. Mengetahui apa yang berlaku di sekolah.

- Luangkan masa untuk mengetahui perkembangan di sekolah anak.
- Kerja kursus dan kerja rumah perlu dipantau.

b. Kekal berhubung.

- Bekalkan guru anak dengan alamat, nombor telefon, nombor faksimili, e-mel.
- Layari laman web sekolah.
- Bincang dengan ibu bapa yang lain.

6.5 PIBG.

Pada masa ini Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) telah diwujudkan di tiap-tiap sekolah di Malaysia. PIBG ini dianggotai oleh guru-guru, ibu bapa dan penjaga yang mempunyai anak-anak di sekolah berkenaan. Pada kebiasaannya sekolah mengutip yuran daripada pihak penjaga sebagai sumber menggerakkan persatuan. Mesyuarat Agung PIBG diadakan sekali setahun untuk memilih ahli-ahli jawatankuasanya. (Pengerusi PIBG selalunya dilantik di kalangan ibu bapa sementara pengetua atau guru besar bertindak sebagai penasihat dan seorang guru bertindak sebagai setiausaha.)

Sambutan terhadap kegiatan PIBG adalah berbeza-beza antara sekolah. Terdapat PIBG yang aktif dan ada yang kurang aktif. Persoalan yang selalu dibangkitkan ialah mengapakah terdapat banyak PIBG yang tidak bergerak cergas dalam menjayakan aktiviti-aktiviti sekolah sedangkan PIBG dapat memberikan sumbangan-sumbangan yang besar dan menjadi tunjang terhadap kemajuan sesebuah sekolah. Sebagai contoh PIBG dapat membantu menyelesaikan masalah salah laku pelajar, dapat membantu dalam kerja-kerja amal dan dapat membantu mencari sumber kewangan bagi pihak sekolah. Untuk menjawab persoalan ini, sebagaimana peranan pengetua dalam komuniti, pemimpin sekolah juga mempunyai tanggungjawab untuk mengaktifkan PIBG. Pengetua yang berkesan akan melibatkan PIBG dalam usaha-usaha mencapai hasrat sekolah.

Di samping faktor kepimpinan pengetua, adalah penting bagi PIBG mempunyai pasukan ahli jawatankuasa yang bersedia dan berminat untuk menjayakan program-program sekolah. Kepimpinan PIBG yang berinovasi dapat merancang pelbagai strategi untuk menentukan kejayaan sekolah. PIBG misalnya tidak hanya melibatkan mereka yang mempunyai anak yang bersekolah untuk aktiviti-aktivitinya. PIBG sepatutnya melibatkan juga ahli-ahli komuniti yang bukan terdiri daripada ibubapa untuk bergiat dalam membantu program PIBG. Terdapat ramai ahli-ahli komuniti yang terdiri daripada mereka yang tiada anak, anak sudah tamat sekolah atau yang masih bujang yang mungkin berminat dalam aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan. Oleh itu terpulanglah kepada kepimpinan PIBG menjalankan fungsi dan peranan masing-masing selaras dengan kedudukan mereka dalam persatuan.

6.5.1 Definisi.

Dalam banyak hal PIBG boleh menjadi tunjang kemajuan sesebuah sekolah. Seperti yang kita sedia maklum PIBG merupakan akronim bagi Persatuan Ibu bapa dan Guru. PIBG secara keseluruhannya telah dinyatakan seperti di atas. Tunjang pula menurut kamus Dewan ialah akar di atas tanah yang menopang batang pohon supaya tegak seperti yang terdapat pada pokok bakau dan lain-lain lagi. Kemajuan berasal dari kata dasar maju yang bermakna bergerak ke muka, mara, melangkah ke hadapan. Kemajuan bermakna perihal maju seperti taraf hidup dan lain-lain. Sesebuah bermaksud penjodoh bilangan untuk bilangan sesuatu benda di mana bentuk atau jenisnya tidak tentu. Sekolah pula ialah tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran.

Secara keseluruhan PIBG tunjang kemajuan sesebuah sekolah bermaksud PIBG menyokong dan membantu membina kemajuan di sesebuah sekolah agar matlamat Falsafah Pendidikan Negara dapat direalisasikan. Usaha ini memerlukan komitmen semua pihak bermula dari guru besar atau pengetua, ibu bapa, guru-guru, masyarakat sekitar dan pelajar. Kita telah sedar bahawa PIBG adalah salah satu pertubuhan di dalam sekolah yang boleh memainkan peranan besar terhadap meningkatkan pencapaian persekolahan murid-murid mereka. Ahli-ahli PIBG yang aktif boleh menyumbangkan tenaga dan sumber kewangan mereka dari semasa ke semasa demi kemajuan sekolah yang berkenaan.

Menurut Kamarudin Hj. Kachar (1989) pendidikan tidak dapat dan tidak boleh dipisahkan daripada masyarakat. Pendidikan perlu dirancang dan dilaksanakan prosesnya dalam konteks masyarakat. Tujuannya supaya pendidikan ada kaitan rapat dengan masyarakat. Selain daripada tujuan sedemikian, pelajar-pelajar dapat memahami masyarakat, hidup berasaskan kepada nilai-nilai dan unsur-unsur kebudayaan masyarakat, dan supaya ibu bapa serta orang lain memahami dan menghayati keadaan, matlamat dan masalah institusi pendidikan. Pelajar-pelajar datangnya daripada masyarakat. Mereka diasuh, dididik dan dilatih oleh institusi pendidikan untuk keperluan masyarakat. Dengan demikian memang wajar institusi pendidikan mendapat bantuan bukan sahaja kewangan, tetapi bantuan dan asuhan moral daripada masyarakat.

6.5.2 Jawatankuasa PIBG.

Satu Jawatan Kuasa yang lengkap mengandungi ahli-ahli berikut dan hendaklah dilantik di mesyuarat agung tahunan :

- 1 ■ Pengerusi (ibu bapa)
- 2 ■ Timbalan Pengerusi (ibu bapa)
- 3 ■ Setiausaha (guru)
- 4 ■ Bendahari (guru)
- 5 ■ Tujuh orang Ahli Jawatan Kuasa. (wakil guru dan ibu bapa)
- 6 ■ Kakitangan
- 7 ■ Guru Besar (Penasihat)

6.5.3 Tugas Jawatan Kuasa.

- Pengerusi
 - jadi pengerusi semua mesyuarat agong dan semua mesyuarat jawatankuasa dan bertanggung jawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat.
 - mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menanda tangani minit-minit mesyuarat apabila telah diluluskan. Dalam masa ketiadaannya Naib Pengerusi hendaklah memangku jawatannya.
- Setiausaha
 - Kehormat hendaklah menjalankan urusan persatuan menurut perlembagaannya, dan melaksanakan arahan-arahan mesyuarat agung dan mesyuarat jawatan kuasa.
 - menyimpan minit-minit semua mesyuarat, dan menguruskan semua hal mesyuarat, dan menyimpan semua buku-buku, surat-surat dan lain-lain rekod.

- menyediakan laporan untuk dibentangkan, kepada mesyuarat agung dan minit-minit yang berkenaan dengannya.
- Bendahari
 - bertanggung jawab berkenaan hal semua kewangan persatuan.
 - membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan, dan bertanggung jawab diatas kebetulannya.
 - menyediakan penyata kira-kira bagi tiap-tiap tahun, kewangan sebelum satu haribulan Febuari dan serahkan untuk diaudit.

6.5.4 Peranan PIBG.

PIBG semestinya memegang amanah sebagai persatuan yang berjuang dan memperjuangkan kebajikan ahlinya sekaligus mendasarkannya kepada kepentingan pelajar dan murid. Ini bermakna PIBG terutama pemimpinya tentulah tidak wajar menjadikan persatuan sebagai batu loncatan untuk kepentingan peribadi sama ada yang berkecenderungan politik, ekonomi atau kepentingan peribadi. Secara tidak langsung juga, Persatuan tidak wajar bergerak atau menjadi gerakan yang bersifat politik berparti atau mempunyai kecenderungan menyokong sebarang parti politik kerana matlamat utamanya hanyalah memperjuangkan kebajikan ahli, serentak dengan usaha menyokong sebarang dasar pendidikan yang menjamin dan mengutamakan kepentingan pelajar, murid, ibu bapa dan negara seluruhnya.

Peranan Sebagai Penjaga.

Antara peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa dalam menyerlahkan prestasi anak-anak ialah sebagai penjaga. Ibu bapa seharusnya menjadi penjaga yang bertanggungjawab. Ini bererti segala keperluan asas seharusnya dipenuhi mengikut kemampuan dan kesesuaian. Sebagai penjaga, ibu bapa juga seharusnya bertanggungjawab terhadap perkembangan fizikal dan mental anak. Ibu bapa juga perlu berperanan sebagai pengawas tingkah laku anak. Ibu bapa perlu

mengambil berat setiap tindak tanduk anak-anak untuk menjamin masa depan mereka. Jika perkara ini tidak diberi perhatian yang serius sejak dari awal, cita-cita ibu bapa untuk menjadikan anaknya cemerlang mungkin hanya tinggal angan-angan sahaja. Bak kata pepatah, 'kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya. Selain daripada itu, ibu bapa juga perlu bertindak sebagai perangsang perkembangan mental anak. Ibu bapa semestinya dapat melihat secara keseluruhan mengenai potensi anak-anak mereka. Potensi yang ada dalam diri anak sepatutnya diserlahkan dan dikembangkan mengikut saluran yang betul dan diredai. Bantu anak-anak mengenali bakat yang ada dalam diri mereka dan seterusnya memupuk bakat tersebut. Setiap bakat yang wujud dalam diri anak perlu diasah dan disuburkan pada setiap masa dan keadaan. Apabila ibu bapa dapat memainkan peranannya secara positif di rumah maka tugas guru disekolah dapat diringankan dan tidak ada berlaku kecelaruan fikiran di kalangan anak-anak.

Pada peringkat sekolah, guru yang mengisi sebahagian daripada komposisi PIBG seharusnya berperanan sebagai ibu bapa yang mengambil berat setiap keperluan dan kebajikan pelajar. Oleh itu guru yang menjadi seorang pendidik yang benar-benar 'berwatak pendidik' dengan menyerlahkan seluruh ciri kebudiannya dan 'kecikguannya'. Kita berkeyakinan manusia suka dan selesa kepada sesiapa sahaja yang menampilkan sifat kasih sayang dan bersikap penyayang. Justeru, sudah tentu pendidik yang bersikap dan bersifat penyayang adalah seorang yang lemah lembut tatkala mendidik dengan menganggap pelajar seperti anaknya. Oleh itu, guru tentu lebih menghargai anak didiknya kerana tiada ibu atau bapa yang gembira apabila melihat anaknya dimaki, dicerca dan dimarah tanpa usul periksa. Seandainya tidak mahu melihat anak didera oleh sesiapa, setiap individu tentunya bertanggungjawab dan insaf betapa tiada haknya mereka mendera anak orang lain. Secara tidak langsung juga ia memperlihatkan usaha merealisasikan konsep sekolah penyayang yang dapat dihayati oleh pelajar.

Apa yang diharapkan pelajar sendiri bersyukur dan menghargai nilai peribadi dan personaliti gurunya yang memberi kasih sayang yang amat luas dan sesuai dalam setiap detik pengajaran dan pembelajarannya. Secara tidak langsung, guru menyediakan dunia pengajaran yang diwarnai dengan keseronokkan mengajar manakala pelajar menikmati dunia penuh cerita dalam pembelajaran meraka atau keseronokkan belajar. Pendidik seharusnya menginsafi keterbatasan upayanya kerana sifat manusianya sendiri mesti dan wajar dimaklumi walaupun sebagai pendidik yang begitu kuat iltizam dan idealisme mempunyai jangkauan matlamat yang berkeinginan untuk mencapai kecemerlangan. Dengan keterbatasan ini tentu sukar untuk mengubah perlakuan dan sikap murid dalam waktu yang singkat, malah mungkin mengambil masa yang panjang.

Membantu menyelesaikan masalah salah laku pelajar.

Ada yang memeranjatkan, sekaligus membimbangkan, mengenai hasil satu kajian yang dibuat oleh Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan. Laporan kajian tersebut menjelaskan tentang penularan gangsterisme yang semakin berleluasa di sekolah-sekolah menengah seluruh negara sekarang. Fakta kajian menunjukkan satu pertiga dari 1560 buah sekolah menengah kita adalah berisiko tinggi dan terdedah kepada berbagai-bagai kegiatan kongsi gelap.

Antara kegiatan berunsur ganas yang kerap berlaku di sekolah ialah mencuri, bergaduh, peras ugut, malah percubaan merogol. Sejak sedekad kebelakangan ini kenakalan melampau ini sudah menjadi satu trend di kebanyakan sekolah. Hal ini telah sering kali dibangkitkan oleh guru-guru, juga selalu menjadi agenda utama dalam mesyuarat-mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Menurut Presiden Majlis Pemuafakatan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) Kebangsaan, Prof Madya Mohamad Ali Hassan berkata (B.H, 27 Julai 2001), dengan cabaran dunia tiada sempadan pelbagai elemen yang baik atau buruk bebas memasuki minda golongan muda sekiranya tidak disaring dengan teliti. Sehubungan dengan itu, katanya, dengan benteng kukuh yang dibina sejak kecil serta kawalan daripada semua pihak yang berfungsi membentuk insan bistari dan gemilang, tidak mudah bagi anak muda dipengaruhi anasir tidak sihat. Beliau berkata, tanggungjawab itu bukan sahaja dipikul oleh ibu bapa malah anggota masyarakat dan kerajaan untu menilai dan mengkaji kelemahan supaya dapat diperbaiki segera.

Merujuk kepada isu Black Metal yang heboh diperkatakan sekarang, Mohamad Ali meminta semua PIBG dan ahlinya memberi perhatian serta mengambil tindakan sewajarnya membantu membentasi gejala itu daripada terus merebak. Beliau mencadangkan supaya PIBG setiap sekolah menubuhkan Majlis Pemuafakatan PIBG peringkat daerah supaya dapat memperluaskan kegiatan mereka.

Langkah penyelesaian atau pencegahan yang diambil terhadap ahli atau bekas kumpulan Black Metal perlu menekankan nilai positif bukannya bertindak menghukum. Tindakan tegas seperti membuang atau menggantung persekolahan hanya akan memberi tekanan kepada pelajar, sedangkan pada ketika itu mereka lebih memerlukan bimbingan dan kaunseling.

Membantu pelajar miskin.

Majlis Pemuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) akan mewujudkan bank data untuk menyenaraikan pelajar daripada keluarga miskin, sekaligus memudahkan proses menyalurkan bantuan kepada mereka. Bank data itu bertujuan memudahkan proses khidmat kebajikan dan bantuan dihulurkan kepada belajar terbabit. Pelajar yang tersenarai akan diberi bantuan sama ada dalam bentuk kewangan dan perkhidmatan lain menerusi dana sumbangan ahli korporat dan agensi kerajaan yang disalurkan kepada persatuan berkenaan. Pelaksanaan program ini memerlukan perbelanjaan yang besar, oleh itu diharapkan lebih ramai ahli korporat tampil untuk membantu menjayakan kegiatan sukarela berbentuk kebajikan ini.

Setiap PIBG peringkat sekolah disarankan menyediakan bank data sendiri dengan menyenaraikan semua pelajar miskin yang berhak dibantu. PIBG patut menjadikan usaha membantu pelajar miskin ini sebagai satu daripada agenda utama supaya golongan ini dapat belajar dengan selesa sepertimana pelajar lain. PIBG juga patut membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dengan memastikan mereka tersenarai menerima buku menerusi Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT). Pada masa sama PIBG perlu beriktiraf menganjurkan pelbagai majlis ilmu dan seminar motivasi kecemerlangan yang membabitkan pelajar daripada keluarga berkenaan. Penyertaan dalam program ini akan memberi rangsangan dan motivasi kepada mereka untuk meneruskan persekolahan hingga berjaya melanjutkan pengajian ke menara gading dan merangkul segulung ijazah. Kejayaan ini sekaligus dapat membebaskan mereka daripada kemelut kemiskinan kerana kejayaan dalam bidang pendidikan memudahkan pelajar terbabit mencari pekerjaan.

Perbincangan.

Bagi sekolah berasrama penuh, masalah besar yang dihadapi dalam konteks PIBG biasanya tidaklah begitu serius. Ini disebabkan ibu bapa tinggal jauh dari sekolah malahan di luar dari negeri tempat sekolah itu terletak. Oleh sebab itu mesyuarat-mesyuarat dan kegiatan PIBG amat sukar dirancang dan sambutannya pun tidaklah begitu memuaskan. Tetapi walaubagaimana pun, khasnya tiap-tiap ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru ataupun tiap-tiap penjaga murid-murid di sekolah menengah seperti ini mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya dengan ibu bapa dan penjaga murid yang berada di sekolah harian. Kita sebetulnya harus realistik dalam hal ini kerana kita tidak mengharapkan supaya ibu bapa menjadi pengajar mata pelajaran akademik kepada anak-anak mereka di rumah. Ini bukanlah zaman dahulu lagi iaitu pelajaran-pelajaran biasa dapat ditunjuk ajar oleh ibu bapa di rumah. Oleh kerana kebanyakan mata pelajaran sekarang adalah lebih sofistikated iaitu terlalu moden, hatta kepada ibu bapa yang bekerja sebagai guru sekalipun. Oleh itu terpaksa kita semua menerima hakikat kita tidak dapat menjadi "guru kedua" di rumah. Malahan ada buruknya jika kita cuba mengajar anak-anak kita di rumah kerana umpamanya kaedah Matematik Moden adalah berbeza dengan kaedah "kira-kira" yang kita gunakan dahulu. Jika kita cuba mengajar juga, ini akan menimbulkan kekecohan kepada pemikiran anak-anak.